



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/01/07 (HQ)

**EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 11.00 PAGI**

### TUN DR. MAHATHIR RASMI KOMPLEKS BALAI ISLAM AN-NUR IBU PEJABAT TNB

- Binaan patuh Indeks Bangunan Hijau ini dibuka untuk kegunaan masyarakat sekitar
- Balai Islam sebahagian daripada program pembangunan semula tanah Ibu Pejabat TNB

Mercu tanda baru Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Bangsar, Kompleks Balai Islam telah dirasmikan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini, 16 Januari 2020.

Perdana Menteri juga diberi penghormatan untuk mengumumkan penamaan semula Kompleks Balai Islam tersebut kepada **Kompleks Balai Islam An-Nur, Ibu Pejabat TNB**.

Majlis perasmian ini bersempena ulang tahun ke-70 TNB yang disambut pada 1 September 2019. Perasmiannya adalah satu lagi detik bersejarah pembabitan Tun Dr. Mahathir dan TNB kerana pada 1 September 1990, beliau adalah yang mengumumkan syarikat utiliti itu sebagai pengganti kepada Lembaga Letrik Negara (LLN) di Kompleks Sukan TNB Bangsar, susulan pengkorporatan badan tersebut di bawah Dasar Penswastaaan Malaysia.

Majlis perasmian ini dihadiri lebih 2,000 tetamu terdiri daripada Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin; Menteri-menteri Kabinet, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, wakil-wakil komuniti sekitar dan warga kerja TNB.

Turut hadir Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Ahli-ahli Lembaga Pengarah TNB serta Pengurusan Tertinggi TNB.

Dalam ucapannya, Moggie berkata pembinaan semula Balai Islam bagi menggantikan Balai Islam lama yang mula digunakan pada 1971 itu memberi peluang kepada TNB untuk terus menjadi *corporate citizen* yang prihatin. Ia juga membuka pintu untuk berkongsi kemudahan dengan masyarakat sekitar Lembah Pantai.

“Pembangunan ini merupakan komponen fizikal di bawah inisiatif “Reimagining TNB” yang melambangkan dinamisme dan kesediaan TNB untuk terus berkembang sebagai sebuah organisasi yang moden dan berteraskan teknologi tinggi dan terkini,” katanya.

Menurutnya, sebagai sebuah organisasi berusia 70 tahun, TNB telah berkembang dan membangun dengan kekuatan anggota kerja seramai lebih 35,000 orang, aset berjumlah hampir RM59 bilion (pada suku ketiga tahun kewangan 2019), serta rangkaian Grid Nasional sepanjang lebih daripada 23,000 kilometer.

“TNB kini dinobatkan sebagai sebuah syarikat tersenarai yang berprestasi tinggi dan berprestij, bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat global, selain menerima pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa.”

Syarikat utiliti negara itu juga kini mampu memberikan perkhidmatan berkelas dunia kepada lebih 9 juta pelanggan, yang meliputi 99.9 peratus kawasan berpenduduk di seluruh Semenanjung Malaysia.

“Dari segi kualiti perkhidmatan, TNB berjaya merekodkan Sistem Indeks Purata Tempoh Gangguan (SAIDI) pada paras 48 minit – satu pencapaian yang lebih baik berbanding SAIDI sebahagian negara maju.”

Dengan bermulanya dekad baru 2020, Moggie berkata TNB bersedia untuk terus berganding bahu menayakan transformasi Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) 2.0.

Dalam landskap perkhidmatan dan perniagaan yang berubah dengan pesat, TNB dan warga kerjanya sentiasa bersedia untuk menguasai perubahan yang diperlukan – termasuklah memanfaatkan teknologi-teknologi baharu.

“Contohnya *smart grid* yang merupakan grid elektrik yang merangkumi pelbagai operasi serta langkah-langkah tenaga terkini seperti *smart meter* yang membolehkan pengguna terlibat dalam mengawasi kegunaan tenaga mereka, *smart appliances* seperti *AI* dan *drones* serta sumber-sumber tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* dan kecekapan tenaga atau *energy efficiency resources*,” tambahnya.

### **Maklumat Kompleks Balai Islam An-Nur**

Pembinaan Balai Islam ini adalah sebahagian daripada program pembangunan semula tanah di Ibu Pejabat TNB yang turut melibatkan pembinaan Kampus baru Ibu Pejabat TNB. Ibu Pejabat TNB sedia ada dirasmikan pada 1967.

Projek pembinaan semula Balai Islam dilaksanakan oleh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) sejak September 2017 bagi menggantikan binaan lama yang hanya mampu memuatkan kira-kira 800 jemaah. Kompleks Balai Islam An-Nur telah siap dan mula digunakan pada 26 Ogos 2019.

Kompleks tiga tingkat yang lengkap dengan lif ini memiliki tiga ruang solat dengan kapasiti keseluruhan 2,850 jemaah. 1,300 darinya di ruang solat utama tanpa tiang yang mampu memuatkan 1,050 jemaah, 250 di ruang solat muslimat (di Aras Mezanin) dan 1,550 lagi di ruang solat tambahan.

Selain ruang solat, kompleks ini juga menempatkan pejabat dan kuarters staf Unit Hal Ehwal Islam TNB, dewan seminar dan ruang letak kenderaan dua tingkat berkapasiti 236 lot serta kafeteria. Ia juga memiliki kemudahan pengurusan jenazah.

Rekaannya yang menampilkan ciri-ciri moden dan mesra alam mendapat sentuhan firma arkitek tempatan, Neuformation Architects Sdn Bhd dengan kerjasama firma arkitek antarabangsa, Woods Bagot. Woods Bagot bertanggungjawab mereka bentuk bangunan-bangunan ikon antaranya Melbourne Convention and Exhibition Centre di Melbourne, Australia dan Qatar Science and Technology Park di Qatar.

Konsep pembinaan Kompleks Balai Islam berdasarkan prinsip kesederhanaan, inklusif dan menghormati alam sekitar.

Seni binanya yang kontemporari dan elegan, namun tidak terlalu sarat dengan hiasan terserlah pada rekaan kubah, menara dan dewan solat. Ia adalah intepretasi moden sebuah masjid tradisional.

Sebagai peneraju dalam industri tenaga, TNB turut menekankan agenda pelestarian alam sekitar dengan menerapkan pelbagai teknologi mesra alam pada binaan kompleks Balai Islam yang menjadikannya sebuah bangunan yang memenuhi kriteria Indeks Bangunan Hijau (Green Building Index).

Antaranya, sistem penuaian air hujan yang mempunyai kapasiti 184 meter padu bagi tujuan wuduk dan pemasangan sistem perpaipan aliran rendah bagi menjimatkan air. Keseluruhan kompleks turut dilengkapi dengan lampu yang menggunakan mentol jimat tenaga.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Januari 2020, jam 11.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /  
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524  
atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*